

27 NOV 2000

Parlimen-Suhakam

TIDAK BENAR ANGGOTA SUHAKAM LANGGAR ETIKA, DEWAN DIBERITAHU

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Dakwaan pembangkang mengenai ada di antara anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) melanggar kod etika untuk kepentingan peribadi adalah tidak berasas, demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad berkata dakwaan itu tidak berasas dan ianya semata-mata untuk membangkitkan keraguan ke atas pertubuhan itu.

"Saya percaya Suhakam yang ditubuhkan ini adalah untuk menegakkan prinsip melindungi hak asasi manusia," katanya ketika menjawab soalan tambahan Tan Kok Wai (DAP-Cheras) semasa sesi soal jawab.

Tanpa menyebut pelanggaran etika yang mana secara khusus, Tan bertanya sama ada kerajaan sedar bahawa ada anggota Suhakam yang ditawarkan projek penswastan kerajaan yang tidak ditawarkan melalui tender terbuka.

Toyad berkata Suhakam adalah sebuah badan bebas yang beroperasi di bawah Akta Parlimen yang menyiasat aduan berhubung pelanggaran hak asasi manusia.

Kepada soalan asal Tan, beliau berkata Suhakam berfungsi melindungi pencabulan hak asasi manusia mengikut akta penubuhannya dan setakat tujuh bulan pertama penubuhannya, Suhakam berjaya menyedarkan orang ramai tentang hak mereka.

Sementara itu, ketika menjawab soalan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (PAS-Kuala Terengganu) Toyad berkata sebenarnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mulanya menolak jemputan Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA).

"Akhirnya Perdana Menteri menerima semula jemputan itu setelah ISNA menghantar tiga pucuk surat dan delegasi mereka untuk menjemput Perdana Menteri agar memberikan ucapan pada majlis mereka," katanya.

"ISNA kemudiannya menarik balik jemputan itu kerana bimbang dengan keselamatan peribadi Perdana Menteri," katanya sebagai menangkis dakwaan pembangkang yang penarikan balik jemputan itu ada kena mengena dengan kuasa besar yang mahu menjatuhkan Dr Mahathir.

Kepada soalan tambahan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) beliau berkata kerajaan akan menjalankan siasatan terhadap mereka yang menjadi dalang untuk memburuk-burukan pemimpin di luar negara.

"Usaha untuk memburuk-burukan Perdana Menteri ini bukan hanya berlaku di luar negara sahaja, tetapi mungkin di kalangan kita ini juga ada yang berbuat demikian," katanya.

--BERNAMA

SSA MNY RI